

563
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENSENARAikan KEUTAMAAN PROJEK-PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN UNTUK FAEDAH RAKYAT TERUTAMA DI KAWASAN MUNDUR TERMASUK KAWASAN SETINGGAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, BELIAU TELAH PUN BERBINCANG DENGAN MENTERI KEWANGAN TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH MENGENAI PERKARA TERSEBUT DAN AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN LANJUT UNTUK MENENTUKAN CARA YANG SEBAIK SEKALI UNTUK MELAKSANAKANNYA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG UMNO CAWANGAN BUKIT +C+ 2, PANTAI KALT DISINI, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH RAKYAT TERUTAMA MEREKA YANG TINGGAL DI KAWASAN TANAH HARAM.

TURUT HADIR DIMAJLIS ITU IALAH SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT ENCIK S. SUBRAMANIAM YANG JUGA AHLI PARLIMEN KAWASAN DAMANSARA.

DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYERU RAKYAT YANG SUDAH MENERIMA KEMUDAHAN SUPAYA BERSYUKUR ATAS NIKMAT YANG MEREKA TERIMA KERANA ADA PIHAK LAIN YANG BELUM MENERIMA KEMUDAHAN TERSEBUT. --BERSAMBUNG-- BY/1715

564
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

UMPAMANYA MEREKA YANG MENDAPAT RUMAH PANGSA PATUT BERSYUKUR KERANA RAMAI LAGI RAKYAT YANG MASIH MENJADI SETINGGA, KATA BELIAU.

DENGAN ADANYA PERASAAN SEUMPAMA ITU MAKA DAPATLAH KERAJAAN MEMBAHAGIKAN PERUNTUKAN +YANG TIDAK BEGITU BANYAK ITU+ UNTUK FAEDAH SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT.

DR. MAHATHIR MENYERU PIHAK-PIHAK YANG BELUM MENDAPAT BANTUAN ATAU KEMUDAHAN DARI KERAJAAN BERSABAR KERANA KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN SEGALA-GALANYA DENGAN SEKALI GUS.

SEMUA KAWASAN MEMERLUKAN BANTUAN DAN PEMBERIANNYA IALAH MENGIKUT KEUTAMAANNYA, KATA BELIAU.

BELIAU BERJANJI AKAN MENKAJI MEMORANDUM YANG DIKEMUKAKAN OLEH UMNO CAWANGAN TERSEBUT MENGENAI MASAALAH PENDUDUK-PENDUDUK DISITU DAN AKAN MENGEMUKAKANNYA KEPADA PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKENAAN SUPAYA MASALAH TERSEBUT DAPAT DISELESAIKAN TANPA MERUGIKAN MANA-MANAPIHAK. --BERSAMBUNG BY/1717

565
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA KEMUDIAN BAHAWA DUA BUAH JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN UNTUK MENKAJI KEDUDUKAN KEWANGAN DAN AKADEMIK ITM AKAN MEMULAKAN TUGASNYA SEBERAPA SEGERA.

BELIAU BERNARAP KEDUA-DUA JAWATANKUASA TERSEBUT DAPAT MENYIAPKAN TUGAS Masing-masing SECEPAT MUNGKIN SUPAYA LANGKAH SESUAI UNTUK MEMPERBAIKI LAGI INSTITUTIUT TERSEBUT DAPAT DILAKSANAKAN.

PERDAPULU DARIPADA ITU, DR. MAHATHIR TELAH DIARAK OLEH PENUNGGANG MOTOSIKAL TERDIRI DARIPADA PEMUDA-PEMUDA UMNO DARI SIMPANG JALAN MASUK KE PANTAI DALAM KE TEMPAT PERJUMPAAN TERSEBUT KIRA-KIRA SEJAUH SETENGAH BATU.

BELIAU TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH DENGAN PUKULAN KOMPANG OLEH PENDUDUK-PENDUDUK DISITU TERMASUK ANGGUTA-ANGGUTA MIC. --BERNAMA BY/1720

247